

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif untuk menggalakkan pelancongan di kawasan Tanjong Manis. Untuk makluman, di kawasan Tanjong Manis, terdapat produk pelancongan seperti monyet belanda, ikan lumba-lumba, buaya, burung hijrah, industri songket dan lain-lain yang boleh menarik pelancong ke sini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mengambil maklum akan potensi kawasan Tanjong Manis sebagai salah satu produk pelancongan berasaskan eko-pelancongan yang kaya dengan biodiversiti yang boleh dipromosikan ke peringkat antarabangsa dan domestik.

2. Antara inisiatif yang boleh dicadangkan untuk mengangkat Tanjong Manis sebagai salah sebuah produk eko-pelancongan, kebudayaan dan kesenian Malaysia adalah seperti berikut :-

- (i) Hebahan media melalui program “*Mega Familiarization Trip*” di mana para media akan dibawa untuk melihat dan merasai sendiri keindahan alam semulajadi yang terdapat di sekitar Tanjong Manis;
- (ii) Membangunkan pakej eko-pelancongan yang turut menerapkan ciri-ciri kebudayaan dan kesenian di kawasan Tanjong Manis seperti industri pembuatan songket;
- (iii) Mempromosikan produk-produk pelancongan di sekitar Tanjong Manis melalui saluran media sosial dengan menggunakan khidmat “*social media influencer*”, KOL (*Key Opinion Leaders*) dengan memfokuskan kepada Tanjong Manis dan Mukah; dan
- (iv) Menjadikan kawasan Tanjong Manis sebagai salah satu produk pelancongan pendidikan (*edu-tourism*).

Sekian, terima kasih.